



07 FEB, 2025

TNB catat kerugian RM3.4 bilion kerana kripto

Utusan Malaysia, Malaysia



TNB catat kerugian RM3.4 bilion kerana kripto

KUALA LUMPUR: Sindiket perlombongan mata wang kripto seperti Bitcoin menyebabkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengalami kerugian besar sehingga RM3.4 bilion kerana penggunaan tenaga elektrik secara haram.

Ahli Parlimen Gopeng, Tan Kar Hing berkata, isu itu juga telah menyebabkan seramai 91 orang menjadi mangsa dan perlu membayar pampasan

melibatkan jutaan ringgit kepada TNB.

“Kami telah berdialog dengan pengadu, dan kami dapati ini adalah daripada kes kecurian melibatkan bitcoin.

“Kami juga hargai usaha TNB untuk bertemu dengan pengadu dan kami harap langkah penyelesaian diambil secepat mungkin,” katanya dalam sidang akhbar di Parlimen semalam.